KONGRES EKONOMI BUMIPUTERA 2024 (KEB 2024)

# KEDUDUKAN SEMASA SOSIOEKONOMI BUMIPUTERA: SATU PENELITIAN



Kementerian Ekonomi

29 FEBRUARI 2024, PUTRAJAYA

## 1
### TREND MEGA & DASAR NEGARA
- Cabaran trend mega
- Dasar Pembangunan Negara
- Ekonomi MADANI

## 2
### BUMIPUTERA KINI?
- Kedudukan sosioekonomi semasa

## 3
### TANTANGAN SEMASA
- Isu dan cabaran global dan domestik

Pembentukan hala tuju baharu agenda pemerkasaan Bumiputera menuntut kita melihat dari sudut pandang yang berbeza sama ada di peringkat global dan domestik.

# TREND MEGA

- PERUBAHAN SUSUNAN BLOK EKONOMI
- PERUBAHAN TEKNOLOGI & DIGITAL MASA HADAPAN
- PERUBAHAN DEMOGRAFI & KUALITI HIDUP
- KRISIS KESIHATAN PLANET

Trend mega yang mempengaruhi dunia dan masyarakat pada masa hadapan merangkumi empat aspek utama, iaitu perubahan penguasaan dan landskap blok ekonomi; kemajuan teknologi dan digital masa hadapan; perubahan demografi berkaitan penuaan, migrasi dan polikrisis, dan kualiti hidup; serta krisis kesihatan planet termasuk biodiversiti, perubahan iklim dan tenaga boleh baharu.

## Penggerak Utama yang Membentuk Masa Hadapan

| Global | Malaysia |
|---|---|

### 1 Perubahan Susunan Blok Ekonomi

**KDNK Dunia** dijangka meningkat lebih perlahan dengan kadar purata 2.5% setahun bagi tempoh 2024-2050

**Perubahan Kuasa Ekonomi dunia - Kebangkitan Timur dan Selatan**

**Konflik Geopolitik** membentuk fragmentasi yang ketara dalam kalangan **blok ekonomi**

**Dilema Peningkatan Hutang** akibat dasar monetari yang ketat oleh negara maju **– hutang sektor awam, sektor swasta dan isi rumah**




**KDNK** negara diunjur meningkat 3.6% setahun daripada **RM1.6 trillion (2024)** kepada **RM4.1 trilion (2050)**

**Potensi pelaburan dan perdagangan –** destinasi kepelbagaian pelaburan dan perdagangan

**Pendapatan isi rumah** dijangka bertambah baik seiring dengan peningkatan KDNK

Komitmen fiskal yang lebih tinggi

Perubahan susunan blok ekonomi global, antaranya memberi kesan kepada pertumbuhan ekonomi negara dan mencipta pelbagai peluang kepelbagaian perdagangan, namun menuntut kecekapan perbelanjaan dan peningkatan keupayaan untuk meraih manfaat daripada peluang yang ada untuk meningkatkan pendapatan rakyat.

## Penggerak Utama yang Membentuk Masa Hadapan

| Global | Malaysia |
|---|---|

**2** **Perubahan teknologi dan digital masa hadapan**

**Global**

- *Advanced Robotics*
- Data raya
- Pengkomputeran Awan
- Kecerdasan Buatan (AI)
- *Advanced Genomics*
- Jurang teknologi semakin melebar antara negara maju dengan negara lain

**Malaysia**

- **Ekonomi automasi** - perlu beralih kepada automasi dalam semua sektor
- Peningkatan **penerimagunaan teknologi termaju** dan R&D&C&I
- **Kemunculan jenis pekerjaan baharu**
- Peningkatan **keputusan berpaksikan data**

Pertumbuhan eksponen teknologi pengkomputeran dan transformasi digital oleh negara peneraju teknologi menuntut tindakan pantas dalam pelaksanaan anjakan besar industri HGHV berasaskan teknologi dan digital bagi memastikan jurang akses dan kapasiti digital dengan negara maju dapat dirapatkan.

## Penggerak Utama yang Membentuk Masa Hadapan

| Global | Malaysia |
|---|---|

### 3 Perubahan Demografi dan Kualiti Hidup

**Kesan berganda polikrisis** menguji daya tahan masyarakat (krisis ekonomi & kesihatan, konflik geopolitik & bencana alam)

**Peningkatan migrasi global**

**Peningkatan kumpulan pendapatan penengah** mempengaruhi trend kepenggunaan

**Kemerosotan kepercayaan** terhadap sistem demokrasi dan institusi

**Peningkatan negara menua**
Pada 2050, **16.7%** daripada populasi dunia berumur **>65 tahun**

**Peningkatan kesenjangan** pendapatan dan kekayaaan

Trend peningkatan penyakit berjangkit dan berkaitan mental




Cabaran kestabilan politik dan demokrasi berperlembagaan

**Negara tua menjelang 2044** – warga emas melebihi 65 tahun mencapai 14%

Kesan berganda polikrisis dan perubahan demografi memberi impak negatif kepada kumpulan rentan. Persediaan awal diperlukan bagi menangani kesan perubahan melalui penyesuaian terhadap dasar semasa.

## Penggerak Utama yang Membentuk Masa Hadapan

| Global | Malaysia |
|---|---|

### 4 Krisis Kesihatan Planet

**Global**

**Keperluan meningkatkan 60%** pengeluaran makanan

**55%** ↑ dalam permintaan air

Permintaan **tenaga boleh baharu** meningkat

Peningkatan kos pemulihan akibat pencemaran alam sekitar

**Perubahan iklim yang pantas**

**50%** ↑ dalam pelepasan GHG menjelang 2050

**10%** kehilangan biodiversiti menjelang 2050

Peningkatan suhu **(+3 ~ 4°C)**

**200 juta** jangkaan penempatan semula penduduk secara tetap berikutan peningkatan paras laut, banjir & kemarau

**Malaysia**

$CO_2$ pelepasan

**2016: 68 juta tan**

**2030: 85 juta tan**

Perubahan Iklim

**Cabaran Jaminan Makanan**

GHG ↑ **Cabaran:** Memisahkan pertumbuhan ekonomi daripada pelepasan GHG

↑ Seiring pertumbuhan ekonomi: **Penggunaan sumber asli dan penghasilan sisa**

**Mempercepat peralihan tenaga**

Krisis kesihatan planet yang semakin meruncing akan menjadi ancaman besar kepada generasi akan datang sekiranya tindakan pemuliharaan dan pemulihan tidak dilaksanakan daripada sekarang. HGHV berasaskan peralihan tenaga dan industri nadir bumi merupakan sumber pertumbuhan baharu dalam melindungi dan memelihara kesihatan planet.

# Dasar Pemerkasaan Bumiputera Sebahagian daripada Dasar Pembangunan Negara

| | | | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| Jangka sederhana | Rancangan Malaya 1<br>Rancangan Malaya 2<br>Rancangan Malaysia 1 (RMKe-1) | RMKe-2 hingga RMKe-5 | RMKe-6 & RMKe-7 | RMKe-8 & RMKe-9 | RMKe-10 & RMKe-11 | RMKe-12 | KSP RMKe-12 & RMKe-13 |
| | | | WAWASAN 2020, 1991-2020 | | | | |
| Jangka panjang | **Pasca Kemerdekaan,** *1956-1970* | **Dasar Ekonomi Baru, 1971-1990** | **Dasar Pembangunan Nasional, 1991-2000** | **Dasar Wawasan Negara, 2001-2010** | **Dasar Transformasi Nasional, 2011-2020** | **Wawasan Kemakmuran Bersama, 2021-2030** | **Ekonomi MADANI: Memperkasa Rakyat, 2023** |

## FOKUS UTAMA PEMBANGUNAN BUMIPUTERA

| | | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|
| ***Isu Struktur*** | **Kadar kemiskinan tinggi & pengenalan kaum mengikut fungsi ekonomi** | **Penyertaan Bumiputera dalam aktiviti ekonomi yang rendah** | **Ketidakseimbangan sosial, ekonomi & wilayah** | **Perangkap pendapatan sederhana** | **Jurang pendapatan & kekayaan melebar** | **Tatakelola & keadilan sosial yang masih lemah** |
| ***Inisiatif*** | • Meningkatkan pemilikan ekuiti Bumiputera<br>• Mewujudkan Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Bumiputera (MPPB)<br>• Menubuhkan FIC<br>• Menumpukan kepada pertanian dan pembuatan | • Melaksanakan program penswastaan<br>• Meningkatkan tabungan melalui pengukuhan peranan PNB<br>• Menumpukan kepada industri berat dan pertanian berskala besar | • Memperkasa peranan institusi Bumiputera termasuk PKEN<br>• Meningkatkan penyertaan Bumiputera dalam pekerjaan profesional<br>• Meliberalisasi garis panduan FIC<br>• Menumpukan kepada sektor perkhidmatan | • Meningkatkan pendapatan rakyat<br>• Memperluas peluang pekerjaan berpendapatan tinggi<br>• Menumpukan kepada pertanian moden dan pembuatan bernilai tinggi | • Memperkukuh pembangunan inklusif dan mampan<br>• Merapatkan jurang antara kumpulan pendapatan, etnik, wilayah & rantaian bekalan | • Menggalakkan syarikat pemula dan PKS Bumiputera menceburi bidang pertumbuhan baharu |

Agenda Bumiputera sepanjang 6 dekad lalu memberi tumpuan kepada pemilikan ekuiti, penyusunan semula masyarakat, menangani kesenjangan pendapatan dan peningkatan daya saing perusahaan Bumiputera.

# EKONOMI MADANI: MEMPERKASA RAKYAT

## Menaikkan Siling
**Peneraju Ekonomi Asia**

- Destinasi Pelaburan Berdaya Saing & Bertaraf Global
- Industri Berteraskan Digital & Inovasi
- Peneraju Ekonomi Islam Global
- Jaguh PMKS Serantau
- Keterjaminan & Kemampanan Ekonomi

*Untuk berjaya memerlukan pendekatan seluruh Malaysia (Rakyat, Kerajaan & Industri)*

*Dengan semangat perpaduan*

*Tatakelola yang baik (membanteras rasuah)*

*Sistem penyampaian awam yang tangkas & kolaboratif*

## Menaikkan Lantai
**Peningkatan Darjat Hidup Rakyat**

- Pekerjaan Bermakna & Berpendapatan Tinggi
- Keterangkuman & Kesaksamaan Peluang
- Akses Sejagat Pendidikan & Kesihatan
- Kemudahan Asas Bertaraf Dunia
- Perlindungan Sosial untuk Semua

| Kemampanan dan Negara Berpendapatan Tinggi | Penyampaian Perkhidmatan Awam | Masyarakat Sejahtera |
|---|---|---|

**Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kedua Belas**

*Sumber: Dokumen Ekonomi MADANI: Memperkasa Rakyat 2023*

KSP RMKe-12 dijajarkan dengan Ekonomi MADANI yang menumpukan kepada potensi semua rakyat merentas etnik untuk meraih peluang yang saksama.

## Bidang Fokus KSP RMKe-12: Mencapai Outcome yang Saksama untuk Bumiputera

RMK12

**STRATEGI 01**
Memperkukuh penyampaian perkhidmatan

**STRATEGI 02**
Mengembangkan perniagaan Bumiputera

**STRATEGI 03**
Meningkatkan penciptaan kekayaan Bumiputera

**STRATEGI 04**
Memperkasakan modal insan dan meningkatkan literasi kewangan

**STRATEGI 05**
Memastikan pemilikan ekuiti korporat yang mampan

*Sumber: Kajian Separuh Penggal RMKe-12*

Agenda Bumiputera akan kekal menjadi agenda nasional bagi mencapai pertumbuhan sosioekonomi yang adil, saksama dan inklusif.

## Petunjuk Sosioekonomi Terpilih Bumiputera

**18.4%**
**30%**

**2020**

**Ekuiti Korporat dengan Penguasaan Berkesan oleh Bumiputera**

**61.0%**
**65%**

**2022**

**Penyertaan Bumiputera dalam Kategori Pekerjaan Mahir**

**73.0%**
**75%**

**2022**

**Isi Rumah Bumiputera Memiliki Seunit Kediaman**

**0.83:1**
**1:1**

**2022**

**Nisbah Gaji dan Upah Penengah Bulanan Bumiputera kepada Cina**

**0.71:1**
**0.88:1**

**2022**

**Nisbah Pendapatan Penengah Bulanan Isi Rumah Bumiputera kepada Cina**

Sasaran 2025

*Sumber: Kajian Separuh Penggal RMKe-12*

Berdasarkan petunjuk terpilih, Bumiputera masih lagi ketinggalan. Ini menuntut anjakan paradigma dan tindakan drastik bagi meningkatkan kemampanan dan daya saing Bumiputera.

## Agihan Pendapatan Isi Rumah Mengikut Etnik (RM), 2016 dan 2022




*Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM)*

Lebih separuh isi rumah Bumiputera berada dalam kumpulan purata pendapatan bulanan di bawah RM6,000 berbanding Cina 36% dan India 45%.

## Insiden Kemiskinan Mutlak Mengikut Kumpulan Etnik Ketua Isi Rumah, 1970 - 2022




*Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM)*

Kadar kemiskinan mutlak menunjukkan trend penurunan sejak 1970. Namun, Bumiputera masih menunjukkan insiden kemiskinan mutlak tertinggi di Malaysia.

## Jumlah Profesional Mengikut Etnik (%), 2022-2023




*Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM)*

Setelah enam dekad, terdapat beberapa pencapaian baik terutama dalam peningkatan golongan profesional Bumiputera. Namun, Bumiputera masih lagi terkebelakang dalam beberapa profesion seperti akauntan, peguam dan arkitek.

## Hartanah Komersial Bumiputera: Mengikut Pasaran Primer dan Pasaran Sekunder, 2022

### Kediaman



| Perkara | Pasaran Primer: Bumiputera | Pasaran Primer: Keseluruhan | Pasaran Sekunder: Bumiputera | Pasaran Sekunder: Keseluruhan |
|---|---|---|---|---|
| Nilai (RM bilion) | 10.65 | 21.31 | 24.05 | 72.97 |
| Transaksi | 30635 | 48441 | 41633 | 91318 |

### Perdagangan




| Perkara | Pasaran Primer: Bumiputera | Pasaran Primer: Keseluruhan | Pasaran Sekunder: Bumiputera | Pasaran Sekunder: Keseluruhan |
|---|---|---|---|---|
| Nilai (RM bilion) | 0.54 | 3.88 | 1.54 | 28.73 |
| Transaksi | 789 | 4483 | 1376 | 14230 |

### Industri



| Perkara | Pasaran Primer: Bumiputera | Pasaran Primer: Keseluruhan | Pasaran Sekunder: Bumiputera | Pasaran Sekunder: Keseluruhan |
|---|---|---|---|---|
| Nilai (RM bilion) | 0.01 | 1.31 | 0.14 | 19.85 |
| Transaksi | 8 | 420 | 59 | 3315 |

***Sumber:** Data Transaksi Hartanah, NAPIC*

Transaksi hartanah komersial Bumiputera hanya tertumpu kepada kediaman yang mempunyai nilai pasaran yang rendah.

## Tanah Rizab Melayu: Bilangan Transaksi dan Nilai, 2019 - 2023

| Semenanjung Malaysia | Rizab Melayu | | Selain Rizab Melayu | |
|---|---|---|---|---|
| | Bilangan | Nilai (RM Bilion) | Bilangan | Nilai (RM bilion) |
| 2019 | 31,809 | 4.60 | 145,579 | 79.75 |
| 2020 | 32,564 | 5.15 | 135,043 | 74.62 |
| 2021 | 30,829 | 5.12 | 152,493 | 96.52 |
| 2022 | 32,787 | 5.05 | 152,956 | 98.14 |
| H1 2023 | 19,654 | 2.89 | 68,657 | 41.21 |
| Jumlah | 147,643 | 22.81 | 654,728 | 390.24 |

*Data tidak termasuk Melaka dan Pulau Pinang

*Sumber: Data Transaksi Hartanah NAPIC*

Kecenderungan untuk memilih tanah selain Rizab Melayu menyebabkan potensi TRM tidak dapat dimanfaatkan secara optimum.

## Bilangan PLC yang Dikawal oleh Bumiputera, 2018 - 2022




*Nota: Syarikat dikawal bumiputera ditakrif di mana syarikat tersebut mempunyai lebih 50% pegangan bumiputera.*

*Sumber: Bursa Malaysia*

Pemilikan syarikat senaraian awam yang dikawal oleh Bumiputera menunjukkan trend penurunan yang ketara, terutama di Pasaran Utama Bursa Malaysia.

## Jumlah IPO di Bursa Malaysia, 2021 – 2023




*Nota: Syarikat dikawal bumiputera ditakrif di mana syarikat tersebut mempunyai lebih 50% pegangan bumiputera.*

*Sumber: Bursa Malaysia*

Hanya satu syarikat dikawal oleh Bumiputera berjaya disenaraikan di Bursa Malaysia daripada 97 syarikat sepanjang 2021 hingga 2023.

## Isu dan Cabaran Ekonomi yang Perlu Ditangani…

### GLOBAL

- Pertumbuhan ekonomi dan perdagangan dunia yang perlahan
- Konflik geopolitik
- Gangguan rantaian bekalan
- Kenaikan harga komoditi
- Dasar monetari yang diperketatkan
- Ancaman iklim dan bencana alam

### DOMESTIK

- Peningkatan kos sara hidup
- Tekanan inflasi
- Peningkatan golongan mudah terjejas
- Penyusutan mata wang ringgit
- Kedudukan kewangan Kerajaan yang mencabar
- Cabaran negara menua

- Peralihan struktur ekonomi yang perlahan
- Produktiviti dalam kalangan PMKS yang rendah
- Kekurangan pelaburan yang berkualiti
- Ketidakcekapan pasaran buruh
- Kemudahan pendidikan yang kurang kondusif
- Ketidaksamaan sosioekonomi
- Ketidakseimbangan pembangunan antara wilayah

Isu dan cabaran ekonomi semasa bertumpu kepada tiga perkara utama, iaitu kesenjangan pembangunan dan pendapatan, ruang fiskal yang terhad dan peralihan struktur ekonomi yang perlahan.

**KESIMPULAN**

## KEB 2024 akan memberi Aspirasi Masa Hadapan kepada Bumiputera..

# "…Negara memerlukan agenda baharu pemerkasaan Bumiputera dengan mengambil kira trend mega dan cabaran semasa."

Penganjuran KEB 2024 membuka peluang kepada pelbagai pemegang taruh untuk memberi sumbangan dalam membantu Kerajaan merangka hala tuju dan pendekatan baharu agenda pemerkasaan Bumiputera.

# TERIMA KASIH